



LEMBAGA PENGURUSAN SUMBER AIR PERAK

No.Sebut Harga: LPSA/SH/ICT/2026/01

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dalam kod bidang seperti di bawah untuk menyertai sebut harga seperti berikut:

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG BEKALAN
LPSA/SH/ICT/2026/01	Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah, Menyokong dan Menyelenggara 31 Unit Komputer <i>Standard</i> dan 12 Unit Komputer <i>High End</i> Secara Sewaan Selama 36 Bulan di Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak	210101, 210103, 210107 dan 210109

- Untuk makluman, tuan/ puan boleh mendapatkan iklan sebut harga berkenaan melalui Laman Web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di alamat <https://www.perak.gov.my>.
- Dokumen sebut harga boleh diperolehi bermula **4 Mac 2026 (Rabu)** hingga **12 Mac 2026 (Khamis)** pada waktu pejabat **dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang** bagi Isnin hingga Khamis, manakala pada hari **Jumaat** dari 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja di **Kaunter Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak, Aras B, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**.
- Dokumen sebut harga dikeluarkan kepada pembekal yang sah dengan mengemukakan **cop syarikat, pendaftaran kod bidang berkaitan serta sijil berdaftar, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia** yang asal dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada pentadbiran ini mengikut kelayakan seperti yang dinyatakan di atas. Dokumen sebut harga diberikan secara percuma.
- Dokumen sebut harga akan diberi dalam bentuk *hardcopy*. Dokumen sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan di dalam sampul berlakri ditulis '**SEBUT HARGA LPSA/SH/ICT/2026/01**' pada sudut atas sebelah kiri sampul,

Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di pejabat beralamat;

**Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak,
Aras 4, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 IPOH.**

sebelum atau pada 12 Mac 2026 (Khamis), jam 12.00 tengah hari.

6. Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan Jawatankuasa Sebut Harga akan menyebabkan sebut harga tersebut dibatalkan serta-merta. Pihak Lembaga tidak terikat kepada mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun. Sebut harga yang tidak memenuhi syarat-syarat di perenggan 4 dan 5 akan ditolak. Keputusan pihak Lembaga adalah muktamad. Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

7. Kerjasama dan perhatian tuan/ puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI AZURA BINTI HAJI JUKI, A.M.P)

Pengarah

Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak